

Vietnam

perlu

berdialog PPM

PH 9 JUL 1985

Oleh HAMBALI A. LATIFF ^(P)
— dan MANJA ISMAIL —

KUALA LUMPUR, Isnin — Vietnam hendaklah diberi kesedaran mengenai betapa perlunya ia menyertai dialog-dialog bermakna dengan Asean dan puak-puak yang bertelagah demi mencari keamanan berkekalan di Kampuchea.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata hari ini, masanya sudah tiba bagi Vietnam memberikan pandangan yang membina terhadap pendekatan yang dicadangkan oleh Asean.

Katanya, jaminan utama penyelesaian isu Kampuchea bergantung kepada penyesuaian kepentingan-kepentingan oleh pelbagai pihak yang bertelagah demi mewujudkan suasana yang akan memuaskan hati semua pihak.

"Rakyat Kampuchea mengimpikan hidup aman

damai seperti rakyat di negara-negara lain di Semenanjung Indo-China dan untuk mencapai keamanan, kestabilan dan keselamatan sebenar, ia memerlukan kefahaman dan kerjasama semua pihak," kata Perdana Menteri ketika berucap di majlis perasmian Sidang ke-18 Menteri-Menteri Luar Asean di sini pagi ini.

Beliau berpendapat, masalah Kampuchea tetap menjadi cabaran politik terpenting kepada Asean.

Katanya, demi penyelesaian muktamad dan keamanan berkekalan di Asia Tenggara, matlamat Asean tidak sepatutnya terhad kepada matlamat jangka pendek semata-mata, tetapi lebih penting ialah matlamat jangka panjang.

"Kita patut menyelesaikannya tanpa membabitkan kuasa-kuasa besar tertentu. Selain itu kesedaran mengenai pentingnya diamalkan konsep Rantau Aman, Bebas dan Berkecuali (Zopfan) yang mementingkan kerjasama ke arah kesejahteraan hendaklah ditingkatkan," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, Asean mesti terus bersabar, sentiasa aktif, bagi menimbangkan sebarang kemungkinan dan berusaha dengan penuh keazaman dan kreatif dalam mencari penyelesaian yang adil, produktif dan berfaedah kepada masalah Kampuchea.

Beliau menyenaraikan masalah-masalah berikut yang perlu diatasi bagi mencapai penyelesaian itu:

Dua masalah utama

- Penderitaan rakyat Kampuchea mestilah dihapuskan sementara keselamatan Thailand mestilah dijamin.

- Sebuah kerajaan hendaklah ditubuhkan hasil daripada permuafakatan dan rakyat Kampuchea diberikan peluang menggunakan hak mereka bagi membuat penentuan sendiri dan memastikan Kampuchea sebagai sebuah negara yang berdaulat dan bebas (ini bermakna tentera asing tidak boleh tinggal di bumi Kampuchea).

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, bagi menentukan penyelesaian itu berhasil di segi keamanan, keselamatan dan kestabilan Asia Tenggara untuk jangka panjang, ia hendaklah tidak bercorak provokatif terhadap sebarang kuasa.

Katanya, Asean mestilah juga berusaha mencari penyelesaian yang boleh mencerahkan lagi usaha mewujudkan kawasan aman, bebas dan berkecuali di rantau ini yang boleh menguatkan keyakinan, persefahaman dan kerjasama.

Perdana Menteri memberitahu Menteri-Menteri Luar bahawa mereka bermesyuarat pada waktu yang dipenuhi oleh cabaran dan peluang.

Cabaran-cabaran itu, katanya, mestilah dihadapi dengan azam yang kreatif dan kuat, dengan cara praktis berpandukan kepentingan dan kehendak kebangsaan kemajuan masa depan Asean.

Peluang-peluang itu hendaklah direbuti dengan penuh keazaman dan berpandangan jauh, tambahnya.